

MAHATHIR - AKHBAR

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11' MALAMINI(4 SEPT.).

1984

KUALA LUMPUR, 4 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI JAMINAN KERAJAAN MEMBERIKAN KEBEBASAN KEPADA AKHBAR-AKHBAR DI NEGARA INI TETAPI BELIAU BERHARAP KEBEBASAN ITU DIGUNAKAN SECARA BERTANGGUNGJAWAB KEPADA MASYARAKAT.

PERDANA MENTERI KESAL KERANA KEBEBASAN YANG DIBERIKAN ITU KADANG-KADANG DISALAHGUNAKAN OLEH SETENGAH-SETENGAH AKHBAR TERUTAMA AKHBAR-AKHBAR BARU MUNCUL YANG MEMBAWA ISU-ISU KONTROVERSIALATAUPUN DIJADIKANKONTROVERSIAL TERMASUK ISU BANGSA, BAHASA DAN ISU-ISU, TERTENTU KERANA INGIN MENDAPATKAN PASARAN.

+ADA YANG MEMBAWA ISU PERKAUMAN, ADA YANG MEMBAWA ISU SEX, ADA YANG SENGAJA MELAGA-LAGAKAN SATU PIHAK DENGAN PIHAK YANG LA'IN.

+AKHBAR-AKHBAR BERTANYA KEPADA SATU PIHAK DAN APABILA DIBERI JAWAPAN, TELEFON PULA PIHAK LAIN DAN MENGATAKAN BAHAWA PIHAK INI SUDAH BERKATA DEMIKIAN, APAKOMENAWAK, + TAMBAHNYA SEMASA DITEMURAMAH DALAM RANCANGAN EHWAL SEMASA TERBITAN RTM MALAM INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP AKHBAR-AKHBAR YANG LAMA WUJUD KHUSUSNYA TIDAK MENCONTOHI TINDAK-TANDUK AKHBAR-AKHBAR YANG BARU MUNCUL YANG MENGGUNAKAN ISU-ISU SENSITIF UNTUK KEPENTINGAN PASARAN MEREKA. -- LAGI

1241MST 04 09 84

0552

R B303 DEB

MAHATHIR - AKHBAR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+DALAM KEADAAN INI, SAYADAPATI KADANG-KADANG AKHBAR YANG SUDAH ESTABLISH INI, MERASAKAN DIRI MEREKA TERANCAM DAN KALAU MEREKA MENJADI ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB MUNGKIN MARKET-SHARE MEREKA AKAN BERKURANGAN.

+JADISAYA NAMPAK DAN MUNGKINSAYA TIDAK BETUL, SEOLAH-OLAH YANG ESTABLISH INI JUGA HENDAK TURUT CARA YANG BARU MUNCUL INI, YANG MENGGUNAKAN ISU-ISU SENSITIF UNTUK KEPENTINGAN PASARAN MEREKA. SAYA HARAP INI TIDAK BERLAKU. +

SAMBIL MENEKANKAN PERLUNYA AKHBAR BERTANGGUNGJAWAB KEPADA MASYARAKAT, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA AKHBAR MENIMBULKAN PERKARA-PERKARA YANG MENJADIKAN KEADAAN MASYARAKAT TIDAK BEGITU TENANG, AKHIRNYA KERAJAAN YANG AKAN MENANGGUNG BEBAN.

PERDANA MENTERI TELAH DITANYA PENDAPATNYA TENTANG KEBEBASAN AKHBAR DI NEGARA INI YANG MANA ADA AKHBAR YANG TERLAMPAU BEBAS YANG MENGGUNAKAN SOAL-SOAL SEKS UMPAMANYA UNTUK MENERBITKAN MAJALLAH MINGGUAN MANAKALA ADA KALANYA PULA, ADA YANG MENGATAKAN KERAJAAN TERLALU BANYAK MENYEKAT.

BELIAU MENGAKUI KERAJAAN SEBENARNYA BERADA DALAM KEADAAN SERBA SALAH DALAM SOAL KEKEBASAN AKHBAR DI NEGARA INI. -- LAGI

1246MST 04 09 84

D556

R 8305 DEB

MAHATHIR - AKHBAR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+PADA MULANYA APABILA SAYA MENGAMBIL ALIH SEBAGAI PERDANA MENTERI, SAYA BERPENDAPAT BAHAWA KITA PERLU-MEMBERI KEBEBASAN KEPADA AKHBAR-AKHBAR DAN SAYA TELAH MENJEMPUT SEMUA EDITOR DAN MENERANGKAN SUPAYA DIADAKAN SATU RUANGAN DALAM SURATKHBAR UNTUK MENKRITIK KERAJAAN DAN UNTUK MENIMBULKAN ISU-ISU YANG PERLU MENDAPAT PERHATIAN DARIPADA KERAJAAN, +JELAS PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU JUGA BERPENDAPAT BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBERI KDN ATAU KEBENARAN UNTUK MENCETAK AKHBAR SECARA LEBIH LIBERAL.

KATANYA, KALAU DAHULU BEGITU SUKAR SEKALI AKHBAR-AKHBAR MENDAPAT KDN, SEKARANG INISIAPA JUGA YANG MEMINTA MENDAPAT KDN.

+SAYA DAPATI SEJAK KITA MEMBERI BANYAK KDN INI, BANYAK AKHBAR WUJUD. TETAPI KITA DAPATI BAHAWA KEKEBASAN YANG DIBERI INI KADANG-KADANG DISALAHGUNAKAN OLEH SETENGAH-SETENGAH AKHBAR. + -- BERNAMA